

MAHATHIR-HYDRO

1979

ALOR SETAR, 16 JULAI (BERNAMA)—KERAJAAN SEDANG MENKKAJI KEMUNGKINAN MENGGUNAKAN MINI-HYDRO UNTUK MEMBEKALKAN ELEKTRIK KE KAWASAN-KAWASAN TERPENCIL DI SELURUH NEGARA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI PROJEK TERSEBUT MUNGKIN DIMULAKAN DI EMPAT KAWASAN DI KEDAH, — SIK, CURUN, KUBANG PASU DAN DI RANCANGAN PERAIRAN MUDA.

BELIAU MENYATAKAN INI KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT TIGA DARI EMPAT KAWASAN TERSEBUT. BELIAU DIIRINGI OLEH MENTERI BESAR DATUK SRI SYED NAHAR SHAHABUDDIN DAN JUGA PENERUSI JAWATAN-KUASA TETAP KERJAJAYA NEGERI HAJI OTHMAN AROFF.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENGARAHKAN LEMBAGA LETRIK NEGARA (LLN) SUPAYA MENKKAJI KEMUNGKINAN MEMBUKA PROJEK MINI-HYDRO DENGAN SGERA DI EMPAT BUAH KAWASAN BERKENAAN.

DARI LAPORAN YANG DITERIMA, ADA 47 KAWASAN DI KEDAH YANG MEMPUNYAI POTENSI MENGELUARKAN TENAGA ELEKTRIK DARI PROJEK MINI-HYDRO. + KATANYA.

KATANYA LAGI PROJEK MINI-HYDRO INI MEMPUNYAI KAITAN DENGAN KENAIKAN HARGA MENYAK KERANA MENERUSINYA RAKYAT MISKIN AKAN LEBIH MAMPU MENDAPAT BEKALAN ELEKTRIK DENGAN MURAH.

MAHATHIR-HYDRO 2 ALOR SETAR

BELIAU JUGA MEMINTA LLN MENYEDIAKAN ANGGARAN PERBELANJAAN BAGI SESEBUAH PROJEK MINI-HYDRO.

+SAYA AKAN PASTIKAN PERUNTUKAN YANG CUKUP DISEDIAKAN BAGI PROJEK INI,+ KATANYA.

BELIAU MEMBERITAHU LLN TELAH MENGHIDUPKAN SEMULA JAWATANKUASA MINI-HYDRO YANG DIANGGOTAI JUGA OLEH PAKAR-PAKAR DARI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA DAN UNIT PERANCANGAN EKONOMI JABATA PERDANA MENTERI.

KATANYA JAWATANKUASA TERSEBUT BOLEH MEMBERI SUMBANGAN YANG LUAS UNTUK PROJEK TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENSIFATKAN PROJEK TERSEBUT SEBAGAI SATU +PROJEK RAKYAT+ YANG SESUAI DILAKSANAKAN DI KAWASAN-KAWASAN TERPENCIL DI NEGARA INI KERANA KOSNYA YANG RENDAH.

BELIAU JUGA MEMBERITAHU SIASATAN YANG DIJALANKAN DI KEDAH UNTUK MENGESAN PUNCA AIR BAWAH TANAH TELAH MENDATANGKAN HASIL YANG MEMUASKAN.

KATANYA KEDAH MEMPUNYAI BEKALAN AIR YANG CUKUP BUKAN SAHAJA UNTUK KEPERLUAN MINUMAN TETAPI BOLEH DIGUNAKAN UNTUK PERTANIAN.

SIASATAN YANG SERUPA AKAN DIPERLUASKAN KE NEGERI-NEGERI YANG KE KURANGAN AIR TERUTAMA DI KAWASAN LUAR BANDAR.

—BERNAMA 1858/AH